# AKTA MAKANAN HAIWAN 2009







## GARIS PANDUAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Ogos 2012

PRAKATA



Akta Makanan Haiwan 2009 adalah suatu satu akta yang telah diluluskan di Parlimen dan berkuatkuasa pada 1 Januari 2010. Akta ini pada dasarnya akan mengawal selia kualiti makanan haiwan dengan mengawal pengimportan, pembuatan, penjualan dan penggunaan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan, untuk memastikan bahawa makanan haiwan memenuhi keperluan nutrien, tidak memudaratkan dan tidak tercemar supaya haiwan dan keluaran haiwan selamat untuk kegunaan lain, dan bagi perkara-perkara lain yang berkesampingan dengannya.

Akta ini akan memastikan kualiti dan keselamatan makanan haiwan yang dihasilkan bukan sahaja oleh pengeluar tempatan tetapi juga makanan yang diimport. Ia meliputi aktiviti yang melibatkan pelesenan, pendaftaran, pemantauan, persampelan, ujian dan penguatkuasaan.

Sehubungan dengan itu,empat (4) buah garis panduan telah dibentuk untuk melancarkan lagi pelaksanaan Akta Makanan Haiwan 2009. Semoga garis panduan ini dapat menjadi rujukan asas bagi aktiviti yang dijalankan dibawah Akta. Sungguhpun begitu garis panduan ini akan ditambah baik dari masa ke semasa mengikut keperluan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyediakan garis panduan Akta Makanan Haiwan 2009 ini. Semoga kerjasama ini akan terus terjalin di masa akan datang.

Sekian, terima kasih

Datuk Dr Abd Aziz bin Jamaluddin

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar selaku Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan



Tujuan garis panduan ini dibentuk adalah untuk melancarkan lagi pelaksanaan Akta Makanan Haiwan 2009 kerana ia menjelaskan prosedur bagi aktiviti yang akan dijalankan seperti pelesenan pengimport, pendaftaran pembuat dan penjual, pemantauan dan tatacara pengurusan dengan sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan dalam kes tindakan penguatkuasaan.

Lanjutan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah dapat menyediakan empat (4) garis panduan seperti berikut:

1. Garis panduan pelesenan pengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.
2. Garis panduan pendaftaran pembuat atau penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.
3. Garis panduan tatacara pengambilan dan berurusan dengan sampel pemantauan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan oleh pegawai diberi kuasa.
4. Garis panduan tatacara pengurusan sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam kes tindakan penguatkuasaan

Garis panduan ini merupakan edisi pertama dan ianya akan ditambahbaik jika perlu dari masa ke semasa. Harapan Jabatan adalah agar garis panduan ini dapat membantu dan memberi gambaran tentang pelaksanaan Akta Makanan Haiwan 2009.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah menyumbang kepada pembentukan empat (4) garis panduan ini.

Sekian.

Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam
Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan

# *Sidang Pengarang*

## Penasihat

Datuk Dr. Abd Aziz bin Jamaluddin

## Ketua Pengarang

Dato' Dr. Quaza Nizamuddin bin Hassan Nizam

## Pengarang

Dr. Fuziah bt. Muhayat

Dr. Alifah bt. Ismail

Dr. Noorazreena bt. Abd Aziz

Pn. Siti Aminah bt. Awang

Pn. Azleinda bt. Abdullah

Cik Azlina bt. Mohd Ghazali

En. Muhamad Sahbudin bin Abidin

**Sekalung Penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak :**


1. Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM
2. Biro Pengawalan Farmaseutikal kebangsaan, KKM
3. Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM
4. Jabatan Standard Malaysia
5. Jabatan Kimia
6. Jabatan Perikanan
7. Jabatan Pertanian
8. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
9. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
10. Bahagian Penguatkuasa, Jabatan Perkhidmatan Veterinar
11. Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, Jabatan Perkhidmatan Veterinar
12. Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar
13. Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Veterinar
14. Seksyen Kuarantin dan Import Eksport, Jabatan Perkhidmatan Veterinar
15. Seksyen Pemakanan Haiwan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar
16. Unit Undang-undang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Kandungan Garis Panduan Akta Makanan Haiwan 2009


| Bil | Perkara | Muka Surat |
|---|---|---|
| | **Prakata** | **i,ii** |
| | **Sidang Pengarang** | **iii** |
| | **Penghargaan** | **iv** |
| | **Kandungan** | **v,vi** |
| **A.** | **Garis Panduan Pelesenan Pengimportan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan** | **1** |
| | 1. Pengenalan | 1 |
| | 2. Objektif | 1 |
| | 3. Skop | 1 |
| | 4. Rujukan | 2 |
| | 5. Definisi | 2 |
| | 6. Kata Singkatan | 5 |
| | 7. Permohonan & Pembaharuan Lesen Pengimportan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan | 5 |
| | 8. Salinan Pendua Lesen Pengimportan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan | 7 |
| | 9. Perubahan Maklumat | 7 |
| | 10. Rekod | 7 |
| | 11. Kesedaran Awam | 8 |
| **B.** | **Garis Panduan Pendaftaran Pembuat dan Penjual Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan** | **30** |
| | 1. Pengenalan | 30 |
| | 2. Objektif | 30 |
| | 3. Skop | 31 |
| | 4. Rujukan | 31 |
| | 5. Definisi | 31 |
| | 6. Kata Singkatan | 34 |
| | 7. Permohonan dan Pembaharuan Pendaftaran Pembuat Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan | 34 |
| | 8. Permohonan dan Pembaharuan Sijil Pendaftaran Penjual Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan | 35 |
| | 9. Sijil Pendua Sijil Pendaftaran Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan | 36 |
| | 10. Permohonan Perubahan Maklumat atau Butir-butir | 36 |
| | 11. Salinan Sijil Pendaftaran yang diperakui benar | 36 |

| | | |
|---|---|---|
| | 12. Rekod | 37 |
| | 13. Kesedaran Awam | 37 |
| **C.** | **Tatacara Pengambilan dan Berurusan dengan Sampel Pemantauan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan oleh Pegawai Diberi Kuasa** | **59** |
| | 1. Pengenalan | 59 |
| | 2. Objektif | 59 |
| | 3. Skop | 59 |
| | 4. Rujukan | 59 |
| | 5. Definisi | 60 |
| | 6. Kata Singkatan | 63 |
| | 7. Tatacara Pengambilan dan Berurusan dengan Sampel Pemantauan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan oleh Pegawai Diberi Kuasa | 63 |
| | 8. Kesedaran Awam | 65 |
| | 9. Rekod | 65 |
| **D.** | **Tatacara Pengurusan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan dalam Kes Tindakan Penguatkuasaan** | **75** |
| | 1. Pengenalan | 75 |
| | 2. Objektif | 75 |
| | 3. Skop | 76 |
| | 4. Rujukan | 76 |
| | 5. Definisi | 76 |
| | 6. Kata Singkatan | 77 |
| | 7. Tatacara Pengurusan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan dalam kes tindakan Penguatkuasa oleh Pegawai Diberi Kuasa | 77 |
| | 8. Tatacara Pengurusan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan dalam kes tindakan Penguatkuasa oleh Pegawai Penyiasat | 79 |
| | 9. Uji Semula Sampel | 80 |
| | 10. Kesedaran Awam | 80 |
| | 11. Rekod | 80 |

**GARIS PANDUAN**

**PELESENAN PENGIMPORTAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**

1. PENGENALAN

Semua pengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan diwajibkan mempunyai lesen bagi tujuan penguatkuasaan akta yang lebih teratur dan berkesan. Lembaga Makanan Haiwan sentiasa menggalakkan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang diimport berkualiti dan selamat untuk kegunaan haiwan di samping menjamin kesihatan dan kebajikan haiwan.

Pelesenan ini juga dapat menyokong dan membantu industri makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan tempatan dalam menjamin kualiti dan keselamatan makanan haiwan seterusnya keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia.

2. OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk:

2.1 Menjelaskan prosedur bagi permohonan dan pembaharuan lesen pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.

2.2 Menjelaskan prosedur bagi permohonan salinan pendua lesen pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang hilang, rosak atau musnah.

2.3 Menjelaskan prosedur bagi permohonan perubahan maklumat atau butiran pada lesen pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.

3 SKOP

Garis panduan bagi pelesenan pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan ini meliputi penjelasan definisi dan prosedur permohonan, pembaharuan, salinan pendua, dan perubahan maklumat atau butiran pada lesen mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.

## 4 RUJUKAN

4.1 Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698) dan Peraturan-Peraturan.

## 5 DEFINISI

### 5.1 Penyata Negara Asal

Penyata negara asal merupakan sesuatu dokumen yang membuktikan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan adalah daripada negara asal yang darinya makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan itu diimport.

### 5.2 Premis

Premis bererti tempat di mana aktiviti pengimportan atau penyimpanan dilakukan sama ada terbuka atau tertutup, bergerak atau tidak bergerak, baik di darat mahupun di perairan dan meliputi setiap rumah, kilang, pengangkutan, kedai, ruang, ladang, bilik atau gudang dan mana-mana tempat yang berkaitan.

### 5.3 Pintu Masuk

Pintu masuk bererti mana-mana pintu masuk yang disenaraikan di bawah Akta Perkhidmatan Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia 2011 [Akta 728] seperti senarai di Lampiran 1.

### 5.4 Jawatankuasa Teknikal

5.4.1 Jawatankuasa Teknikal bererti Jawatankuasa yang ditubuhkan atau dilantik oleh Lembaga, yang terdiri daripada orang yang bukan anggota Lembaga, untuk menasihati dan membantu Lembaga dalam melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 (Seksyen 5).

Jawatankuasa Teknikal terdiri daripada :

1. Pegawai kanan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
2. Pegawai kanan Jabatan Pertanian yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
3. Pegawai kanan Jabatan Perikanan yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.

4. Pegawai kanan Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
5. Pegawai kanan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
6. Pegawai kanan Jabatan Standard Malaysia yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
7. Pegawai kanan Jabatan Kimia yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
8. Pegawai kanan JAKIM yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
9. Pegawai kanan MAQIS yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
10. Pegawai kanan dari Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam, Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, JPV yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
11. Pegawai kanan dari Seksyen Kuarantin dan Import Eksport, Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, JPV yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
12. Pegawai kanan dari Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, JPV yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
13. Pegawai kanan dari Unit Undang-Undang, JPV yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
14. Pegawai kanan dari Bahagian Penguatkuasa, JPV yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
15. Pegawai kanan dari Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, JPV yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
16. Pegawai kanan dari Seksyen Pemakanan Haiwan, JPV yang dilantik oleh Pengerusi LMH atau wakilnya.
17. Setiausaha LMH.

5.4.2 Mesyuarat akan dipengerusikan oleh Seorang Pegawai Kanan JPV yang dilantik oleh Lembaga dan akan bersidang sekurang-kurangnya sekali sebulan atau mengikut keperluan. Pada mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, enam orang anggota hendaklah membentuk kuorum.

5.4.3 Tanggungjawab Jawatankuasa Teknikal meliputi :

i. Menyemak, menilai, dan menyokong untuk meluluskan permohonan dan pembaharuan lesen mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.
ii. Menyemak, menilai dan menyokong untuk meluluskan permohonan serta pembaharuan sijil pendaftaran pembuat dan penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan.
iii. Menilai dan membuat penggantungan atau pembatalan lesen mengimport makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan.
iv. Menilai dan membuat pembatalan sijil pendaftaran pembuat dan penjual makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan.
v. Meluluskan jadual pemantauan ke atas premis makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan yang dikenalpasti.

5.5 Wakil LMH

Seorang Pegawai Kanan JPV yang dilantik dan diberi kuasa oleh Lembaga untuk menandatangani lesen bagi pihak LMH mengikut Seksyen 6, AMH semasa ketiadaan Pengerusi.

5.6 Pegawai Diberi Kuasa

Pegawai Diberi Kuasa ertinya seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 21, AMH.

5.7 Penyelaras

Mana-mana Pegawai Diberi Kuasa di bawah AMH yang terlibat dalam pelesenan pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (Seksyen/Unit Pemakanan Haiwan) di negeri atau di ibu pejabat JPV.

5.8 Urusetia

Unit Pengesanan dan Kualiti Makanan Haiwan, Seksyen Pemakanan Haiwan , Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, JPV.

5.9 Produk Biologik

Produk yang mengandungi vaksin, enzim, hormon (natural dan sintatik), yis, probiotik dan makanan haiwan yang dikawal di bawah Seksyen Zoonotik dan Kesihatan Awam, JPV.

6.0 Produk Kimia

Produk/*premix* tujuan perubatan yang mengandungi:

1. Racun berjadual (seperti Jadual Pertama dalam Akta Racun 1952).
2. Bukan Racun (OTC)
3. *Supplement* seperti vitamin, mineral dan asid amino.
4. Produk semulajadi/herba.
5. *Premix* (campuran satu atau lebih bahan aktif dalam bentuk yang sesuai disediakan untuk membantu pengambilan bahan aktif tersebut dengan cara dicampurkan dengan makanan/minuman haiwan sebelum diambil oleh haiwan).

6. KATA SINGKATAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6.1 | AMH | : | Akta Makanan Haiwan 2009 |
| 6.2 | JPV | : | Jabatan Perkhidmatan Veterinar |
| 6.3 | LMH | : | Lembaga Makanan Haiwan |
| 6.4 | S/U LMH | : | Setiausaha Lembaga Makanan Haiwan |
| 6.5 | BAMH 53(2)(b)(c)01 | : | Borang Permohonan Lesen |
| 6.6 | BAMH 53(2)(b)(c)02 | : | Borang Pembaharuan Lesen |
| 6.7 | BAMH 53(2)(b)(c)03 | : | Rekod Pengimportan Makanan Haiwan |
| 6.8 | BAMH 53(2)(b)(c)04 | : | Rekod Pengimportan Bahan Tambahan Makanan Haiwan |
| 6.9 | BAMH 53(2)(b)(c)05 | : | Borang Permohonan Lesen Gantian |
| 6.10 | JAMH 53(2)(b)(c)01 | : | Fi Kena Bayar Untuk Pelesenan |
| 6.11 | SAMH 53(2)(b)(c)01 | : | Lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan |

7. PERMOHONAN DAN PEMBAHARUAN LESEN PENGIMPORTAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

7.1 Permohonan lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah dikemukakan kepada LMH dengan menggunakan borang BAMH 53(2)(b)(c)01(Lampiran 3.1) manakala pembaharuan lesen menggunakan borang BAMH 53(2)(b)(c)02(Lampiran 3.2). Fi bagi permohonan lesen seperti yang ditetapkan dalam Jadual JAMH 53(2)(b)(c)01(Lampiran 3.3) hendaklah dikemukakan setelah permohonan lesen diluluskan oleh LMH.

7.2 Permohonan lesen hendaklah dibuat termasuk pengimportan dari Sabah dan Sarawak.

7.3 Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan dan menyertakan dokumen seperti berikut:

7.3.1 Salinan kad pengenalan
7.3.2 Salinan Memorandum dan Artikel Syarikat (MAA)
7.3.3 Penyata negara asal
7.3.4 Spesifikasi makanan dan bahan tambahan makanan haiwan (diendors oleh pihak berkuasa yang kompeten)
7.3.5 Penyata pengilangan, pembungkusan, pelabelan dan yang berkenaan
7.3.6 Penyata pendaftaran item-item (bahan-bahan yang diimport) yang disebut sebagaimana yang diperlukan oleh Akta-akta lain yang berkaitan.

7.4 Untuk bahan tambahan makanan haiwan (BTMH):

i. Produk biologik perlu didaftarkan oleh JPV di bawah Akta Binatang 1953 semakan 2006 (seksyen 30 dan 84).

ii. BTMH di bawah kategori produk kimia masih lagi didaftarkan dan dilesenkan oleh Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan di bawah Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984 (sehingga diberitahu).

7.5 Pegawai Diberi Kuasa akan menjalankan pemeriksaan tapak di mana-mana premis yang dinyatakan dalam permohonan tersebut seperti senarai semak pemeriksaan premis permohonan/pembaharuan lesen import (Lampiran 2).

7.6 Tempoh bagi pengeluaran lesen yang diluluskan oleh LMH dari tarikh permohonan yang lengkap dijangkakan dalam masa 7 hingga 14 hari bekerja.

7.7 Tarikh tamat tempoh lesen adalah pada 31 Disember setiap tahun. Pemegang lesen boleh memohon untuk memperbaharui lesen sebelum atau pada 1 Disember tahun habis tempoh lesen.

7.8 Pemegang lesen yang lewat untuk memohon pembaharuan lesen mengimport selepas tarikh 1 Disember tahun habis tempoh lesen itu kepada LMH, hendaklah memohon pembaharuan lesen dengan mengisi borang BAMH 53(2)(b)(c)02(Lampiran 3.2) dan mengemukakan dokumen sebagaimana yang diminta. Fi bagi permohonan lewat untuk pembaharuan lesen import seperti yang ditetapkan dalam Jadual JAMH 53(2)(b)(c)01 (Lampiran 3.3) hendaklah dikemukakan setelah permohonan pembaharuan lesen diluluskan oleh LMH.

7.9 Proses kerja adalah seperti carta alir di Lampiran 3.

8. SALINAN PENDUA LESEN PENGIMPORTAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

8.1 Jika lesen asal hilang, rosak atau musnah, pemegang lesen hendaklah memohon semula dengan menggunakan Borang (BAMH 53(b)(c)05) (Lampiran 4.1) berserta dengan maklumat yang dikehendaki. Fi bagi penggantian lesen seperti yang ditetapkan dalam Jadual JAMH 53(2)(b)(c)01(Lampiran 3.3) hendaklah dikemukakan setelah permohonan penggantian lesen diluluskan oleh LMH.

8.2 LMH boleh mengeluarkan penggantian lesen dalam bentuk yang sama dengan salinan asal tetapi dengan perkataan “SALINAN PENDUA” diendors pada lesen dan hendaklah mempunyai kesan yang sama dengan lesen yang asal.

8.3 Proses kerja adalah seperti carta alir di Lampiran 4.

9. PERUBAHAN MAKLUMAT

9.1 Pemegang lesen hendaklah memaklumkan kepada LMH secara bertulis mengenai perubahan maklumat atau butiran pada lesen seperti alamat, pintu masuk, item, Negara asal, kategori makanan haiwan dan tempat penyimpanan / stor beserta dengan lesen asal. Perubahan maklumat atau butiran ini perlu dikemukakan kepada LMH dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan.

9.2 Fi bagi perubahan maklumat atau butiran pada lesen seperti yang ditetapkan dalam Jadual 3 / JAMH 53(2)(b)(c) 01 (Lampiran 3.3) hendaklah dikemukakan setelah permohonan perubahan maklumat diluluskan oleh LMH.

9.3 Proses kerja adalah seperti carta alir di Lampiran 5.

10. REKOD

10.1 Pemegang lesen hendaklah menyimpan rekod pengimportan dalam borang 3/BAMH 53(2)(b)(c)03(Lampiran 6) dan Borang 4/BAMH 53(2)(b)(c)04(Lampiran 7).

10.2 Setiap permohonan pelesenan hendaklah direkodkan dan disimpan dalam sistem pangkalan data Akta Makanan Haiwan.

10.3 Lesen hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat di dalam premis.

10.4 Segala maklumat dan butiran adalah rahsia. Sebarang perkongsian maklumat boleh dibuat dengan izin pemegang lesen.

11. KESEDARAN AWAM

11.1 Semua pihak yang terlibat dalam industri pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hendaklah diberi kefahaman mengenai kepentingan pelesenan ini agar mendapat kerjasama dan sokongan daripada mereka.

11.2 Semua agensi di bawah AMH hendaklah memberi kesedaran kepada pengilang, pengadun sendiri *(home mixer)* dan penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan mengenai kepentingan mendapatkan bekalan daripada pemegang lesen import yang sah bagi menjamin kualiti produk yang dihasilkan.

11.3 Semua agensi di bawah AMH hendaklah juga memberi kesedaran kepada orang awam tentang hak sebagai pengguna makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan bagi mendapatkan bekalan yang berkualiti.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi :
Setiausaha Lembaga Makanan Haiwan
Seksyen Pemakanan Haiwan
Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Wisma Tani
Blok Podium 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya
Tel : 03-8870 2000/2210/2180/2182
Faks : 03-8888 5631
Email : urusetialmh@dvs.gov.my

## SENARAI PINTU MASUK DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN PEMERIKSAAN DAN KUARANTIN MALAYSIA 2011

**PERLIS**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | Padang Besar | Blok B, Kompleks LKIM Padang Besar, Jalan Sadao, 02100 Padang Besar, Perlis. |
| | | Email : brohani@yahoo.com |
| 2 | Kuala Perlis | Kompleks LKIM Kuala Perlis, Kampung Perak, 02000 Kuala Perlis, Perlis. |
| | | Email : ddonsa72@gmail.com |
| 3 | Wang Kelian | Pos Imigresen Wang Kelian, 02200 Kuala Perlis, Perlis. |
| | | Email : am_raziff@yahoo.com.my |

**KEDAH**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | Bukit Kayu Hitam | Aras Bawah, Blok C-LKIM, Kompleks ICQ Bukit Kayu Hitam, 06050 Bukit Kayu Hitam, Kedah. |
| | | Email : azaharpki@yahoo.com.my |
| 2 | Kota Putra Durian Burung | Kompleks ICQS Kota Putra, Durian Burung, Padang Terap, Kedah. |
| | | Email : zulbiasa@gmail.com |
| 3 | LT Sultan Abdul Halim | Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim. Kepala Batas, Alor Setar, Kedah. |
| | | Email : azaharpki@yahoo.com.my |
| 4 | Pelabuhan Tanjung Lembong | Dermaga Tanjung Lembong, Jalan Bukit Malut, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah. |
| | | Email: madpyan@yahoo.com |
| 5 | LTAB Langkawi | Padang Matsirat, 07100 Langkawi, Kedah. |
| | | Email : madpyan@yahoo.com |
| 6 | Jeti Kuah | Kompleks Jabatan Laut, Jeti Kuah, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah. |
| | | E-mail: madpyan@yahoo.com |

**PULAU PINANG**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | LTAB Bayan Lepas | 11960 Bayan Lepas, Pulau Pinang. |
| | | Email : salam_bynlepas@yahoo.com |
| 2 | LTAB Bayan Lepas (Kargo) | Lot. T-08, Tingkat Satu,Pusat Kargo Pertama, Jalan Garuda, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang. |
| | | Email :salam_bynlepas@yahoo.com |
| 3 | MITP Batu Maung | Lot. T-08, Tingkat Satu,Pusat Kargo Pertama, Jalan Garuda, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang. |
| | | Email :salam_bynlepas@yahoo.com |

| | | |
|---|---|---|
| 4 | Dermaga Ayer Dalam | Wisma Pelabuhan, Dermaga Ayer Dalam, 12000 Butterworth, Seberang Perai,<br>Pulau Pinang.<br>Email : ganasanrethnam@yahoo.com |
| 5 | NBCT | (Pengkalan Kontena Butterworth Utara), d/a. Level 1, Wisma Suria, Jalan Kampong Gajah, 12000 Butterworth, Seberang Perai, Pulau Pinang<br>Email : fbi8905@yahoo.com |
| 6 | Pelabuhan Weld Quay | 10300 Pulau Pinang, Pulau Pinang.<br>Email : a.rahmanosman@yahoo.com.my |

**PERAK**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | Pengkalan Hulu | Kompleks Imigresen Pengkalan Hulu, Bukit Berapit, 33100 Pengkalan Hulu, Perak.<br>Email : wjaini_ar3@yahoo.com.my |
| 2 | Pelabuhan Lumut | Kompleks LKIM Lumut, 32000 Setiawan, Perak.<br>Email : wjc5501@yahoo.com |
| 3 | LT Sultan Azlan Shah | d/a. Jabatan Pertanian Negeri Perak, 30630 Ipoh, Perak.<br>Email : tracia_qi@gmail.com |
| 4 | ICT, Ipoh | d/a. Jabatan Pertanian Negeri Perak, 30630 Ipoh, Perak.<br>Email : tracia_qi@gmail.com |

**SELANGOR**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | Pelabuhan Klang / Pelabuhan Klang Utara | Aras 2, Wisma Kastam Pelabuhan Utara , 42000 Pelabuhan Klang, Selangor.<br>Email : - |
| 2 | Pelabuhan Klang Selatan | Tingkat Bawah, Kompleks Barter Trade, Jalan Pelabuhan, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor.<br>Email : drhosman55@yahoo.com |
| 3 | Pelabuhan Klang Barat | Tingkat 2, KMT Business Centre, Pulau Indah, 42920 Pelabuhan Klang.<br>Email : maqispb@yahoo.com.my |
| 4 | KLIA | Kompleks MAQIS KLIA, Jalan Pekeliling 4, Zon Selatan, 64050 KLIA, Sepang, Selangor.<br>Email : arman@dvs.gov.my |
| 5 | KLIA (Terminal) | Balai Ketibaan, Tingkat 3, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, KLIA, Sepang, Selangor.<br>Email : - |

| | | |
|---|---|---|
| 6 | KLIA (Kargo) | Tingkat 5, Kompleks Kastam dan Eksais Diraja, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Zon Perdagangan Bebas KLIA, 64000 KLIA. Sepang, Selangor. |
| | | Email : mohamadmaelahklia@yahoo.com |
| 7 | LTA Sultan Abdul Aziz Shah | Skypark Terminal, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah 47200 Subang, Selangor. |
| | | Email : zalina@dvs.gov.my |

**NEGERI SEMBILAN**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | Port Dickson | Jeti Penumpang, Jabatan Laut, Port Dickson, Negeri Sembilan. |
| | | Email : kulan668@yahoo.com |

**MELAKA**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT |
|---|---|---|
| 1 | Pelabuhan Sungai Rambai | Kompleks Barter Trade, Sungai Rambai, Melaka |
| | | Email : mustapah61@hotmail.com |
| 2 | Pelabuhan Kuala Linggi | Kompleks LKIM, Kuala Sungai Baru, 78200 Mesjid Tanah, Melaka. |
| | | Email : maqismkl@gmail.com |
| 3 | Pelabuhan Melaka | Kompleks Jabatan Laut, Melaka. |
| | | Email : maqismkl@gmail.com |
| 4 | LTAB Batu Berendam | Lapangan Terbang A/bangsa Batu Berendam, 75350 Batu Berendam, Melaka. |
| | | Email : moklassalan@yahoo.com.my |
| 5 | Pelabuhan Tanjung Beruas | d/a. Pusat Pertanian Pulau Gadong, 75200 Melaka |
| | | Email : moklassalan@yahoo.com.my |

**JOHOR**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | Bangunan Sultan Iskandar (BSI) | Aras 2, Anjung Utara, Bangunan Sultan Iskandar, Bukit Chagar, Jalan Lingkaran Dalam, 80300 Johor Bahru, Johor. |
| | | Email : - |
| 2 | Bangunan Sultan Iskandar (BSI - Import) | Aras 2, Anjung Utara, Bangunan Sultan Iskandar, Bukit Chagar, Jalan Lingkaran Dalam, 80300 Johor Bahru, Johor. |
| | | Email : chianleong@yahoo.com |
| 3 | Bangunan Sultan Iskandar (BSI - Eksport) | Aras 2, Anjung Utara, Bangunan Sultan Iskandar, Bukit Chagar, Jalan Lingkaran Dalam, 80300 Johor Bahru, Johor. |
| 4 | Kompleks Bebas Cukai Stulang Laut | Jalan Ibrahim Sultan, 80300 Johor Bahru, Johor. |
| | | Email : - |

| | | |
|---|---|---|
| 5 | JB Sentral | Aras 2, Anjung Utara, Bangunan Sultan Iskandar, Bukit Chagar, Jalan Lingkaran Dalam, 80300 Johor Bahru, Johor. |
| | | Email : - |
| 6 | Woodlands Train Check Point (WTCP) Singapura | d/a: Aras 2, Anjung Utara, Bangunan Sultan Iskandar, Bukit Chagar, Jalan Lingkaran Dalam, 80300 Johor Bahru, Johor.. |
| | | Email : - |
| 7 | Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) | Kompleks Sultan Abu Bakar, Tanjung Kupang, 81560 Gelang Patah, Johor. |
| | | Email : maqisksab@gmail.com |
| 8 | Pelabuhan Pasir Gudang | Tingkat Bawah G7, Bangunan Maritim, Jalan Ibu Pejabat Johor Port, Pelabuhan Pasir Gudang, 81700 Pasir Gudang, Johor. |
| | | Email : maqispgudang@gmail.com |
| 9 | Pelabuhan Tanjung Pelepas | 3.8 Blok B, Pejabat Pentadbiran PTP, 81560 Gelang Patah, Johor. |
| | | Email : maqisptp@gmail.my |
| 10 | Muar | Kompleks Jeti Penumpang, No. 2749, Jalan Maharani, 84000 Muar, Johor. |
| | | Email : maqismuar@gmail.com |
| 11 | Batu Pahat | Jeti Kastam Batu Pahat, Jalan Shahbandar, 83000 Batu Pahat, Johor. |
| | | Email : maqisbpahat@gmail.com |
| 12 | LTA Sultan Ismail | Kompleks Kargo, Lapangan Terbang Sultan Ismail, Senai, Johor. |
| | | Email : maqissenai@gmail.com |
| 13 | Kukup | Terminal Feri Antarabangsa Kukup, Jalan Kukup Laut, 82300 Kukup, Pontian, Johor. |
| | | Email : maqiskukup@gmail.com |
| 14 | Sungai Rengit | Kompleks Penghulu Mukim Pantai Timur, Sungai Rengit, 81620 Pengerang, Johor. |
| | | Email : maqisblunkor@gmail.com |
| 15 | Tanjung Pengelih | Pejabat CIQ, Terminal Feri Tanjung Pengelih, 81600 Pengerang, Johor. |
| | | Email : maqisblunkor@gmail.com |
| 16 | Tanjung Belungkor | Terminal Feri Tanjung Belungkor, Peti surat 30, 81930 Bandar Penawar, Johor. |
| | | Email : maqisblunkor@gmail.com |

**PAHANG**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | LT Sultan Ahmad Shah | Lapangan Terbang Sultan Ahmad Shah, 25300 Kuantan, Pahang. |
| | | Email : aris_maqis@yahoo.com |
| 2 | Pelabuhan Kuantan | Wisma KPC, KM 25, Tanjung Gelang, P.O Box 199, 25720 Kuantan, Pahang. |
| | | Email : aris_maqis@yahoo.com |
| 3 | Pulau Tioman | d/a Stesen Kuarantin Haiwan, Batu 2, Kampung Baru, 26080 Cherating, Kuantan, Pahang. |
| | | Email : aris_maqis@yahoo.com |

**TERENGGANU**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | LT Kuala Terengganu | d/a. Kompleks Pertanian Daerah Kuala Terengganu, KM 7, Jalan Kuala Berang, 20050 Kuala Terengganu. |
| | | Email : isatgg@yahoo.com |
| 2 | Pelabuhan Kemaman | d/a. Kompleks Pertanian Daerah Kuala Terengganu, KM 7, Jalan Kuala Berang, 20050 Kuala Terengganu. |
| | | Email : isatgg@yahoo.com |
| 3 | Pulau Perhentian | d/a. Kompleks Pertanian Daerah Kuala Terengganu, KM 7, Jalan Kuala Berang, 20050 Kuala Terengganu. |
| | | Email : isatgg@yahoo.com |
| 4 | Pulau Redang | d/a. Kompleks Pertanian Daerah Kuala Terengganu, KM 7, Jalan Kuala Berang, 20050 Kuala Terengganu. |
| | | Email : isatgg@yahoo.com |

**KELANTAN**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | Rantau Panjang | Kompleks Imigresen Rantau Panjang, 17200 Rantau Panjang, Kelantan. |
| | | Email : maqisdrp@gmail.com |
| 2 | Pengkalan Kubor | Kompleks Imigresen Pengkalan Kubor, 16080 Tumpat, Kelantan. |
| | | Email : maqisdpk@gmail.com |
| 3 | Bukit Bunga | Pos Imigresen Bukit Bunga, 17700 Tanah Merah, Kelantan. |
| | | Email : maqisdbb@gmail.com |
| 4 | LT Sultan Ismail Petra | 16100 Pengkalan Chepa, Kelantan. |
| | | Email : maqisdltkb@gmail.com |

**WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

| BIL | PINTU MASUK | ALAMAT & EMAIL |
|---|---|---|
| 1 | Pelabuhan Labuan | Jalan Merdeka, Peti Surat 82071, WP Labuan. |
| | | Email : arshad@moa.gov.my |
| 2 | LTA Labuan | Balai Ketibaan, Aras 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Labuan, Peti Surat 82071, WP Labuan. |
| | | Email : arshad@moa.gov.my |
| 3 | Terminal Feri Labuan | Tingkat Bawah, Bangunan Terminal Feri Antarabangsa Labuan, Jalan Merdeka, Peti Surat 82071,WP Labuan. |
| | | Email : arshad@moa.gov.my |

Lampiran 2

**SENARAI SEMAK**

PERMOHONAN/PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN [ BAMH 53(2)(b)(c)01 dan BAMH 53(2)(b)(c)02 ]

Tarikh Pemeriksaan : No. Rujukan :

| | | Tandakan (/) jika lengkap | |
|---|---|---|---|
| **A. Butir-butir Pengimport :** | | Kegunaan Pejabat | Kegunaan di Premis |
| | Nama | ☐ | ☐ |
| | Nombor KP | ☐ | ☐ |
| | Jawatan | ☐ | ☐ |
| | Alamat Surat-menyurat | ☐ | ☐ |
| | No.tel | ☐ | ☐ |
| | No. Faks | ☐ | ☐ |
| | Alamat E-mel | ☐ | ☐ |
| | Nama Syarikat & No. Pendaftaran(lampiran salinan MAA | ☐ | ☐ |
| | Alamat Perniagaan | ☐ | ☐ |
| | No.tel | ☐ | ☐ |
| | No. Faks | ☐ | ☐ |
| | Alamat E-mel | ☐ | ☐ |
| | No. Lesen sebelum ini | ☐ | ☐ |
| | Pintu masuk (Akta Perkhidmatan Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia 2011) | ☐ | |
| **B. Jadual maklumat item.** | | ☐ | |
| **C. Dokumen sokongan :** | | | |
| i | Penyata negara asal | ☐ | |
| ii | Spesifikasi makanan dan bahan tambahan makanan haiwan (disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten) | ☐ | |
| iii | Penyata pengilangan, pembungkusan dan pelabelan, dan yang berkenaan | ☐ | |
| iv | Penyata pendaftaran item-item yang disebut sebagaimana yang diperlukan oleh akta-akta yang berkaitan serta | ☐ | |
| | dokumen-dokumen lain yang berkaitan dan disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten (Sijil Kesihatan dan laporan analisis makmal untuk artemia dan lain-lain makanan/bahan tambahan makanan ikan yang hidup). | ☐ | |

| Kegunaan di Premis | | Tandakan (/) sekiranya ada | Ulasan |
|---|---|---|---|
| **D. Tempat penyimpanan / Stor** | | ☐ | |
| **E. Rekod** | **i) pengimportan Makanan Haiwan** | ☐ | |
| | **ii) Pengimportan bahan tambahan Makanan Haiwan dan bahan Tambahan Makanan Haiwan** | ☐ | |
| **F. Pengangkutan** | | ☐ | |
| **G. Tempat dan peralatan membuat makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan** | | ☐ | |
| **H. Tempat dan peralatan menjual makanan haiwan dan bahan tambahn makanan haiwan** | | ☐ | |
| Untuk kegunaan Pegawai Diberi Kuasa sahaja. | | | |

Disahkan bahawa pemeriksaan telah dijalankan dan didapati maklumat adalah benar / tidak benar *
(*potong mana yang berkenaan)

Ulasan :

……………………………………………………………………………………………………………………………..

………………………………………………………………………………………………………………………………

Tandatangan Pegawai Diberi Kuasa

………………………………………….
Nama :
Jawatan :
Tempat Bertugas :
Tarikh :

**CARTA ALIRAN KERJA**
**PERMOHONAN DAN PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENGIMPORT**
**MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**
**AKTA MAKANAN HAIWAN 2009**

| TANGGUNGJAWAB | AKTIVITI |
|---|---|
| 1. Urusetia LMH | 1. Terima Borang :<br>1.1. BAMH 53(2)(b)(c)01 - PERMOHONAN LESEN [Lampiran 3.1]<br>1.2. BAMH 53(2)(b)(c)02 - PEMBAHARUAN LESEN [Lampiran 3.2] |
| 2. Urusetia LMH | 2. Semak borang permohonan berpandukan senarai semak (Lampiran 2) |
| 3. Urusetia LMH | |
| 4. Urusetia LMH | 4. Cop terima borang lengkap |
| 5. Urusetia LMH/Penyelaras | 5. Pemeriksaan di tapak premis pemohon berpandukan senarai semak (Lampiran 2) |
| 6. Urusetia LMH | |
| 7. Urusetia LMH | 7.Majukan kepada S/U LMH untuk disemak lebih lanjut |
| 8. S/U LMH | 8. Majukan permohonan kepada J/kuasa Teknikal |
| 9. J/kuasa Teknikal | 9.Penilaian Jawatankuasa Teknikal |
| 10. Urusetia LMH | |
| 11. Pengerusi LMH / Wakil LMH | 11. Tandatangani lesen |
| 12. Urusetia LMH | 12. Maklum kepada pemohon |
| 13. Urusetia LMH | 13. Terima bayaran seperti di jadual JAMH53(2)(b)(c)01[Lampiran 3.3] |
| 14. Urusetia LMH | 14. Pengeluaran Lesen SAMH53(2)(b)(c)01 [Lampiran 3.4] |
| 15. Urusetia LMH | 15. Daftar dalam pangkalan data/rekod |



**Lampiran 3.1**

**JADUAL PERTAMA**

BAMH 53(2)(b)(c)01

BORANG 1

*[subperaturan 3(2)]*

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN
HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

Pengerusi, Lembaga Makanan Haiwan

| **Butir-butir Pengimport:** | |
|---|---|
| Nama :<br>(Sila masukkan nama dalam huruf besar) | |
| Nombor KP :<br>(Sila lampirkan salinan) | |
| Jawatan : | |
| Alamat surat-menyurat : | |
| No. Telefon : | |
| No. Faks : | |
| Alamat E-mel : | |
| Nama Syarikat & No. Pendaftaran :<br>(Sila lampirkan salinan #MAA) | |
| Alamat Perniagaan : | |
| No. Telefon : | |
| No. Faks : | |
| Alamat E-mel : | |
| Nombor Lesen Sebelum ini* : | |
| Nama pintu masuk : | |

Mengikut peruntukan seksyen 10 Akta Makanan Haiwan 2009, saya dengan ini memohon lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan seperti yang ditetapkan di bawah.

| Bil. | Item | Negara Asal** | Kategori Makanan*** | Kuantiti (m.t) | Tempat penyimpanan/stor (Alamat) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

# MAA (Memorandum dan Artikel Syarikat)

* untuk lesen pembaharuan

**Tidak melebihi 15 negara

***i) Bijirin
ii) Bahan tambahan makanan haiwan
iii) Produk sampingan haiwan
iv) Produk sampingan pertanian
v) Antibiotik
vi) Bahan kimia
vii) Foraj
viii) Hormon
ix) Makanan Haiwan Terumus

**Dilampirkan di sini dan merupakan sebahagian daripada permohonan ini ialah penyata-penyata yang berikut;**

i. penyata negara asal
ii. spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten)
iii. penyata pengilangan, pembungkusan dan pelabelan, dan yang berkenaan
iv. penyata pendaftaran item-item yang disebut sebagaimana yang diperlukan oleh Akta-akta lain yang berkaitan

________________ Tarikh : ____________

Tandatangan Pemohon Cop Syarikat

BAMH 53(2)(b)(c)02

BORANG 2

*[subperaturan 8(1), (4)]*

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN
HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

PEMBAHARUAN LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

Pengerusi, Lembaga Makanan Haiwan

| **Butir-butir Pengimport:** | |
|---|---|
| Nama :<br>(Sila masukkan nama dalam huruf besar) | |
| Nombor KP :<br>(Sila lampirkan salinan) | |
| Jawatan : | |
| Alamat surat-menyurat : | |
| No. Telefon : | |
| No. Faks : | |
| Alamat E-mel : | |
| Nama Syarikat & No. Pendaftaran :<br>(Sila lampirkan salinan #MAA) | |
| Alamat Perniagaan : | |
| No. Telefon : | |
| No. Faks : | |
| Alamat E-mel : | |
| Nombor Lesen Sebelum ini* : | |
| Nama pintu masuk : | |

Mengikut peruntukan seksyen 10 Akta Makanan Haiwan 2009, saya dengan ini memohon lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan seperti yang ditetapkan di bawah.

| Bil. | Item | Negara Asal** | Kategori Makanan*** | Kuantiti (m.t) | Tempat penyimpanan/stor (Alamat) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

# MAA (Memorandum dan Artikel Syarikat)

* untuk lesen pembaharuan

**Tidak melebihi 15 negara

***i) Bijirin
ii) Bahan tambahan makanan haiwan
iii) Produk sampingan haiwan
iv) Produk sampingan pertanian
v) Antibiotik
vi) Bahan kimia
vii) Foraj
viii) Hormon
ix) Makanan Haiwan Terumus

**Dilampirkan di sini dan merupakan sebahagian daripada permohonan ini ialah penyata-penyata yang berikut;**

i. penyata negara asal
ii. spesifikasi makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan (disahkan oleh pihak berkuasa yang kompeten)
iii. penyata pengilangan, pembungkusan dan pelabelan, dan yang berkenaan
iv. penyata pendaftaran item-item yang disebut sebagaimana yang diperlukan oleh Akta-akta lain yang berkaitan

_________________ Tarikh : ____________
Tandatangan Pemohon Cop Syarikat

**JADUAL KETIGA**
*[subperaturan 13(1)]*

JAMH 53(2)(b)(c)01

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

**FI**

| **No.** | **Peraturan** | **Tajuk** | **Fi (RM)** |
|---|---|---|---|
| 1. | 3(3) | Lesen | 600 |
| 2. | 8(3) | Pembaharuan lesen yang sedia ada (pada atau sebelum 1 Disember setiap tahun) | 500 |
| 3. | 8(5) | Permohonan lewat bagi pembaharuan lesen yang sedia ada (selepas 1 Disember setiap tahun) | 1,000 |
| 4. | 9(3) | Salinan pendua lesen yang hilang, rosak atau musnah | 100 setiap lesen |
| 5. | 10(3) | Lesen bagi perubahan maklumat dan butir-butir | 50 setiap lesen |

**JADUAL KEDUA**
*[peraturan 6]*

SAMH 53(2)(b)(c)01

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

**LESEN**

No. Lesen ……………

LESEN MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN

Dengan ini lesen diberi kepada ………………………………………………………..
dari ……………………………………………………………………………………..
yang alamat perniagaannya ialah ………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
………………………………………………………………………
melalui pintu masuk seperti di bawah –
1)……………………………………………………………………………………
2)……………………………………………………………………………………
3)……………………………………………………………………………………
4)……………………………………………………………………………………
5)……………………………………………………………………………………
6)……………………………………………………………………………………

untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang berikut :
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………
tertakluk pada syarat-syarat yang ditetapkan di sebelah.
(Disambung di helaian lain yang dilampirkan dengan lesen ini)

Lesen ini adalah sah daripada …………….. 20…..
hingga …………….20…..
Fi dibayar RM ..............

Tarikh ……………………. ……………………………..
Pengerusi Lembaga Makanan Haiwan

---

No. Lesen Sebelum ini *. ………………………
Tarikh dikeluarkan * …………………………………

(Belakang Borang 1 )

| No. | Item | Negara Asal ** | Kategori Makanan Haiwan*** | Tempat penyimpanan / stor (Alamat) |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

* *Untuk pembaharuan*
*** Tidak lebih daripada 15 buah Negara*

*** i) Bijirin
ii) Bahan Tambahan Makanan Haiwan
iii) Produk sampingan haiwan
iv) Produk sampingan pertanian
v) Antibiotik
vi) Bahan kimia
vii) Foraj
viii) Hormon
ix) Makanan Haiwan terumus

***Terma dan Syarat***

*Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen oleh Lembaga.*

*Apa-apa pengimportan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan hanyalah bagi maksud yang diisytiharkan oleh Lembaga.*

Lampiran 4

**PERMOHONAN SALINAN PENDUA LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN AKTA MAKANAN HAIWAN 2009**



| **TANGGUNGJAWAB** | **AKTIVITI** |
|---|---|
| **1.Urusetia LMH** | **1.Terima Borang BAMH 53(2)(b)(c)05 (Lampiran 4.1)** |
| **2.Urusetia LMH** | **2.Semak borang permohonan berdasarkan maklumat sedia ada** |
| **3.S/U LMH** | **3. Semak dan keluarkan lesen dalam bentuk yang sama seperti yang asal tetapi dengan perkataan 'SALINAN PENDUA' ditanda pada lesen** |
| **4. Pengerusi LMH/Wakil LMH** | **4. Tandatangani lesen** |
| **5. Urusetia LMH** | **5. Maklum kepada pemohon** |
| **6. Urusetia LMH** | **6. Terima bayaran seperti dalam jadual JAMH53(2)(b)(c)01** |
| **7.Urusetia LMH** | **7. Pengeluaran Lesen SAMH53(2)(b)(c)01** |
| **8. Urusetia LMH** | **8. Daftar dlm pengkalan data/rek** |

BAMH 53(2)(b)(c)05

BORANG 5
*[subperaturan 9(2)]*

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

**BORANG PERMOHONAN SALINAN PENDUA LESEN**

Saya dengan ini membuat laporan kepada Lembaga dan memohon mendapatkan satu salinan pendua lesen untuk mengimport makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan kerana lesen asal telah:

☐ Hilang ☐ Cacat ☐ Musnah

**Butir-butir Pengadu**

| | | |
|---|---|---|
| Nama *(Sila masukkan nama penuh dalam huruf besar)* | : | ……………………………………………………………<br>…………………………………………………………… |
| Nombor KP *(Sila lampirkan salinan)* | : | …………………………………………………………… |
| Syarikat & Jawatan | : | …………………………………………………………… |
| Alamat surat-menyurat | : | ……………………………………………………………<br>…………………………………………………………… |
| Nombor Telefon | : | (Pejabat)……………………(h/p)……………………… |
| Alamat E-mel | : | …………………………………………………………… |

**Butir-butir Pemegang Lesen**

| | | |
|---|---|---|
| No. Lesen | : | …………………………………………………………… |
| Tarikh luput Lesen | : | …………………………………………………………… |
| Nama Syarikat & No. Pendaftaran. (MAA)* | : | ……………………………………………………………<br>…………………………………………………………… |
| Alamat Perniagaan | : | ……………………………………………………………<br>…………………………………………………………… |
| Nombor Telefon | : | …………………………………………………………… |
| No. Faks | : | …………………………………………………………… |
| Alamat E-mel | : | …………………………………………………………… |

_______________ Tarikh : ___________

Tandatangan Pemohon Cop Syarikat

*MAA (Memorandum dan Artikel Syarikat)

Lampiran 5

**PERMOHONAN PERUBAHAN MAKLUMAT PADA LESEN MENGIMPORT MAKANAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN AKTA MAKANAN HAIWAN 2009**



| **PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB** | **AKTIVITI** |
|---|---|
| 1.Urusetia LMH | 1.Terima Surat pemberitahuan perubahan maklumat pada lesen beserta lesen asal |
| 2. Urusetia LMH | 2. Semak maklumat yang diberi |
| 3.S/U LMH | 3. Semak & keluarkan lesen dengan maklumat baru |
| 4. Pengerusi LMH/Wakil LMH | 4. Tandatangani lesen |
| 5. Urusetia LMH | 5. Maklum kepada pemohon |
| 6. Urusetia LMH | 6. Terima bayaran |
| 7.Urusetia LMH | 7. Pengeluaran Lesen SAMH53(2)(b)(c)01 |
| 8. Urusetia LMH | 8. Daftar dlm pangkalan data/rekod |

BAMH 53(2)(b)(c)03

BORANG 3
*[peraturan 11]*

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

**REKOD PENGIMPORTAN MAKANAN HAIWAN**

Nama pengimport …………………………..
Alamat……………………………………………
……………………………………………………
…………………………………………………..
………………………………………………..

| Nama dan alamat pengeksport | Item | Kuantiti diimport (kg) | No. Rujukan borang K1 | Nama pintu masuk | Tandatangan pengimport |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

BAMH 53(2)(b)(c)04

BORANG 4
*[peraturan 11]*

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (LESEN UNTUK MENGIMPORT MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN) 2012

**REKOD PENGIMPORTAN BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**

Nama pengimport …………………………..
Alamat………………………………………
………………………………………………..
………………………………………………..
………………………………………………..

| Nama dan alamat pengeksport | Item | Kuantiti diimport (kg) | No. Rujukan borang K1 | Nama pintu masuk | Tandatangan pengimport |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

**GARIS PANDUAN**

**PENDAFTARAN PEMBUAT DAN PENJUAL MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN**

1 PENGENALAN

Semua pembuat dan penjual makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan diwajibkan berdaftar dengan Lembaga Makanan Haiwan (LMH) bagi tujuan penguatkuasaan akta yang lebih teratur dan berkesan. Lembaga sentiasa menggalakkan pembuatan dan penjualan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan yang berkualiti dan selamat untuk kegunaan haiwan di samping menjamin kesihatan dan kebajikan haiwan.

Pendaftaran ini juga dapat menyokong dan membantu industri makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan tempatan dalam menjamin kualiti dan keselamatan makanan haiwan seterusnya keluaran haiwan selamat untuk dimakan oleh manusia.

2 OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk:

2.1 Menjelaskan prosedur bagi permohonan dan pembaharuan sijil pendaftaran pembuat dan penjual makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan.

2.3 Menjelaskan prosedur bagi salinan pendua sijil pendaftaran pembuat dan penjual makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang hilang, rosak atau musnah.

2.4 Menjelaskan prosedur bagi perubahan kepada maklumat atau butir-butir pada sijil pendaftaran pembuat dan penjual.

## 3 SKOP

Garis panduan bagi pendaftaran pembuat dan penjual makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan ini meliputi penjelasan definisi dan prosedur pendaftaran, keperluan pemeriksaan di premis dan pemeriksaan dokumen, pengeluaran sijil pendaftaran, pembaharuan sijil pendaftaran, salinan pendua sijil dan penukaran maklumat pada sijil pendaftaran pembuat dan penjual makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan.

## 4 RUJUKAN

4.1 Akta Makanan Haiwan 2009 dan Peraturan-Peraturan.

## 5 DEFINISI

### 5.1 Premis

Premis bererti tempat di mana aktiviti pembuatan dan penjualan dilakukan sama ada terbuka atau tertutup, bergerak atau tidak bergerak, baik di darat mahupun di perairan dan meliputi setiap rumah, kilang, pengangkutan, kedai, ruang, ladang, bilik atau gudang dan mana-mana tempat yang berkaitan.

### 5.2 Pembuat

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Setiausaha Lembaga Makanan Haiwan
Seksyen Pemakanan Haiwan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium 1A, Lot 4G1
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya

Tel : 03-8870 2000/2210/2180/2182
Faks : 03-8888 5631
Email : urusetialmh@dvs.gov.my
Laman web : http://www.dvs.gov.my

**Lampiran 1**

## CARTA ALIRAN KERJA PDK DALAM PENGAMBILAN DAN BERURUSAN DENGAN SAMPEL PEMANTAUAN MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN (DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)




AKTIVITI

1. Terima arahan untuk mengambil sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan

2. Sediakan peralatan / perkakasan dan kelengkapan lain untuk menjalankan persampelan di premis yang dijadualkan.

3. Di premis,tentukan kehadiran pemilik/wakil premis (jika ada)

4. Perkenalkan diri, tunjukkan kad kuasa serta maklumkan tujuan utama kepada pemilik/wakil premis.

5. Dapatkan kerjasama pemilik/wakil premis.

6. Kenalpasti dan tandakan makanan haiwan dan/atau bahan tambahan makanan haiwan yang berada di premis.




7. Ambil 1 set sampel bagi setiap makanan haiwan dan/atau bahan tambahan makanan haiwan –rujuk kepada Lampiran 2a, 2b, 3, 4 atau 5 untuk keterangan lebih lanjut mengenai cara persampelan dijalankan.

8. Mengisi 3 salinan borang penyerahan sampel menggunakan borang 1 (Lampiran 6) dan hantar sampel bersama 1 salinan asal borang kepada juruanalisis di makmal yang ditetapkan, 1 salinan kepada urusetia LMH, satu salinan untuk simpanan PDK.

9. Sekiranya laporan makmal didapati melanggar mana-mana seksyen di bawah AMH 2009. Juruanalisis perlu maklumkan kepada S/U LMH dan Pengarah Penguatkuasa secepat mungkin.

10. Rekod.

**Lampiran 2a**

**CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN**
**OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)**
**(DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)**

**MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK BIJIRIN, PELET, *PULSES*, SERBUK DAN *MEAL***

**Persampelan daripada bungkusan**



AKTIVITI

1. Tentukan bilangan bungkusan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang mempunyai bentuk bungkusan dan kandungan yang sama seperti berat, jenama dan tujuan.

2. Pilih dan ambil 5 peratus daripada jumlah bungkusan yang telah ditentukan secara rawak bagi menentukan jumlah *bulk* sampel.

3. Pilih dan ambil secara rawak, tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah *bulk* sampel bagi membentuk *reduced* sampel (minimum 0.5 kg).

4. Buka bungkusan atau ambil sampel menggunakan alat khas.

5. Jika perlu, ambil sampel secara melintang atau menegak . *Reduced* sampel di ambil dari kedalaman keseluruhan atau tiga tahap (atas, tengah dan bawah)

6. Setelah selesai, tutup bungkusan atau lubang bungkusan (jika perlu)

7. Ambil *reduced* sampel bagi membentuk sampel makmal dan pastikan beratnya adalah 0.5kg.

8. Bungkuskan sampel makmal ke dalam bekas plastik khas dan pastikan bungkusan sampel makmal ditutup rapat.

9. Setiap bungkusan sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna.

10. Labelkan setiap bungkusan sampel makmal seperti berikut :
    a) Nombor pengenalan sampel
    b) Tarikh dan masa
    c) Saiz sampel (berat/kuantiti)
    d) Jenis sampel
    e) Nama, tandatangan pegawai

**Lampiran 2b**

# CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK) (DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)

## MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK BIJIRIN, *PULSES*, PELET, SERBUK DAN *MEAL*

**<u>Persampelan dari longgokan dalam jumlah yang besar</u>**



<u>AKTIVITI</u>

1. Tentukan jumlah bilangan *increment* mengikut jadual dibawah

| Jumlah m* di dalam satu lot yang sama (matrik tan) | Bilangan Minimum *increment* |
|---|---|
| ≤2.5 | 7 |
| >2.5 | $\sqrt{20m^*}$ sehingga maksimum 100 |

m*=berat

2. Pilih tempat di mana *increment* ingin di ambil secara rawak.
3. Campurkan dan gaul jumlah *increment* bagi membentuk *bulk* sampel menggunakan peralatan khas.
4. Ambil dan timbang 0.5 kg daripada *bulk* sampel bagi membentuk sampel makmal.
5. Bungkuskan sampel makmal ke dalam bekas plastik khas dan pastikan bungkusan sampel makmal ditutup rapat.
6. Setiap bungkusan sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna.
7. Labelkan setiap bungkusan sampel makmal seperti berikut :
   a) Nombor pengenalan sampel
   b) Tarikh dan masa
   c) Saiz sampel (berat/kuantiti)
   d) Jenis sampel
   e) Nama, tandatangan pegawai

**Lampiran 3**

**CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN**
**OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)**
**(DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)**

**MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK FORAJ**



AKTIVITI

1. Tentukan jumlah kuantiti (bilangan, berat atau keluasan) daripada jenis foraj yang sama.

2. Pilih dan ambil 5 peratus daripada jumlah kuantiti yang telah ditentukan secara rawak bagi menentukan jumlah *bulk* sampel.

3. Pilih dan ambil secara rawak, tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah *bulk* sampel bagi menentukan *reduced* sampel (minimum 1 kg).

4. Ambil *reduced* sampel dengan menggunakan peralatan yang sesuai.

5. Ambil *reduced* sampel bagi membentuk sampel makmal dan pastikan beratnya adalah 1kg.

6. Bungkuskan sampel makmal ke dalam bekas plastik khas dan pastikan bungkusan ditutup rapat.

7. Setiap bungkusan sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna.

8. Labelkan setiap bungkusan sampel makmal seperti berikut :
   a) Nombor pengenalan sampel
   b) Tarikh dan masa
   c) Saiz sampel (berat/kuantiti)
   d) Jenis sampel
   e) Nama, tandatangan pegawai

**Lampiran 4**

## CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN
## OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)
## (DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)

### MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK BLOK JILATAN



AKTIVITI

1. Tentukan bilangan blok jilatan yang mempunyai jenis yang sama.

2. Pilih dan ambil 5 peratus daripada jumlah blok jilatan yang telah ditentukan secara rawak bagi menentukan jumlah *bulk* sampel.

3. Pilih dan ambil secara rawak, tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah *bulk* sampel bagi menentukan *reduced* sampel (minimum 0.5 kg).

4. Ambil reduced sampel bagi membentuk sampel makmal dengan menggunakan peralatan dan cara yang sesuai serta pastikan berat sampel makmal adalah 0.5kg.

5. Bungkuskan sampel makmal ke dalam bekas plastik khas dan pastikan bungkusan ditutup rapat.

6. Setiap bungkusan sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna.

7. Labelkan setiap bungkusan sampel makmal seperti berikut :
   a) Nombor pengenalan sampel
   b) Tarikh dan masa
   c) Saiz sampel (berat/kuantiti)
   d) Jenis sampel
   e) Nama, tandatangan pegawai

**Lampiran 5**

**CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN
OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)
(DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)**

**MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK SEPARA CECAIR DAN CECAIR**



AKTIVITI

1. Tentukan bilangan bekas dan isipadu yang mengandungi separa cecair atau cecair yang mempunyai jenis yang sama. Sebatikan jika perlu.

2. Pilih dan ambil 5 peratus daripada jumlah bekas atau jumlah isipadu yang telah ditentukan secara rawak bagi menentukan jumlah *bulk* sampel.

3. Pilih dan ambil secara rawak, tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah *bulk* sampel bagi menentukan *reduced* sampel.

4. Ambil *reduced* sampel dengan menggunakan peralatan khas (jika perlu) dan cara yang sesuai untuk membentuk sampel makmal.

5. Sukat sampel makmal dan pastikan isipadunya adalah 200 ml.

6. Masukkan sampel makmal ke dalam bekas kaca khas dan ditutup rapat.

7. Setiap bekas sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna

8. Labelkan setiap bekas sampel makmal seperti berikut:
   a) Nombor pengenalan sampel
   b) Tarikh dan masa
   c) Saiz sampel (berat/kuantiti/ isipadu)
   d) Jenis sampel
   e) Nama, tandatangan pegawai

BORANG 1
*[perenggan 4(1)(a)]*

BAMH 53(2)(h)01

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

**PENYERAHAN SAMPEL UNTUK ANALISIS**

No. Rujukan: ……………………….

Kepada,

Juruanalisis,
………………………….....
……………………………….
……………………………….

**Penyerahan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan untuk Analisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 dan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012**

Butiran berikut bagi sampel dengan ini diserahkan untuk dianalisis -

| Nombor pengenalan sampel | Tarikh & masa diambil | Jenis sampel | Saiz sampel (berat/ kuantiti): | Bentuk fizikal |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

2. Sampel diserahkan untuk tujuan
………………………………………………………..................................................
……………………………………………………………………………………………
(jenis analisis).

Tarikh: ......................................

Tandatangan: ..................................................
Nama Pegawai diberi kuasa : ……………………

Saya, yang menandatangan di bawah ini telah menerima sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang tersebut di atas untuk dianalisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 atau Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012.

Tarikh dan masa: ………………..

Tandatangan: ……………………………….

Nama Juruanalisis: ……………………………

**GARIS PANDUAN AKTA MAKANAN HAIWAN**
**TATACARA PENGURUSAN SAMPEL MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN DALAM KES TINDAKAN PENGUATKUASAAN**

1. PENGENALAN

Semua makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang diimport, dibuat, diedarkan, dimiliki, dijual atau digunakan untuk diberi makan kepada haiwan hendaklah mengikut ketetapan di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 dan semua undang-undang subsidiari yang dibuat di bawahnya. Antaranya ialah makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan tidak boleh mengandungi antibiotik, hormon atau bahan kimia lain yang dilarang.

Pengambilan sampel kes ke atas makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan di bawah AMH bertujuan membuat penguatkuasaan ke atas premis yang dikenalpasti serta membuat penganalisisan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan setelah menerima arahan dalam tindakan penguatkuasaan.

Lembaga Makanan Haiwan sentiasa menggalakkan pengimport, pembuat, pengedar, penjual dan pengguna makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan supaya sentiasa mematuhi AMH dan secara tidak langsung dapat menjaga kebajikan haiwan demi menjamin kesihatannya dan menghasilkan produk haiwan yang selamat untuk kegunaan manusia. Di samping itu, kualiti dan keselamatan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dapat dikawalselia.

Garis panduan Akta Makanan Haiwan bagi tatacara pengurusan sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan bagi tujuan penguatkuasaan di diterimapakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Semua PDK dan PP yang menjalankan TPSK bagi tujuan penguatkuasaan dalam mana-mana premis perlulah mengikut arahan dan kaedah yang ditetapkan seperti di dalam TPSK.

2. OBJEKTIF

Garis Panduan Akta Makanan Haiwan- Tatacara Pengurusan Sampel Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan Dalam Kes Tindakan Penguatkuasaan bertujuan untuk:

2.1 Menyediakan prosedur seragam untuk menjalankan kerja pengambilan sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam kes tindakan penguatkuasaan.

2.2 Memastikan supaya cara pengambilan, penyimpanan dan penghantaran sampel makanan haiwan atau bahan makanan haiwan adalah betul, tepat dan mencukupi bagi tujuan penganalisaan serta keterangannya boleh diterima di mahkamah.

2.3 Memastikan tindakan pengurusan sampel adalah mematuhi kehendak AMH dan tidak boleh dicabar di dalam mahkamah.

3. SKOP

GPAMH bagi tatacara pengurusan sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam kes tindakan penguatkuasaan oleh Pegawai Penguatkuasa yang diberi kuasa ini meliputi penjelasan definisi, garis panduan mengambil dan mengendali sampel kes, kesedaran awam dan rekod.

4. RUJUKAN

4.1 Akta Makanan Haiwan 2009

4.2 Malaysian Standard, Animal Feeding Stuffs-Sampling: MS ISO 6497

5. DEFINISI

5.1 Premis

Premis ertinya mana-mana tempat sama ada terbuka atau tertutup, bergerak atau tidak bergerak, baik di darat mahupun di perairan dan meliputi setiap rumah, kilang, kedai, pengangkutan, ruang, ladang, ladang kecil, bilik atau gudang, di mana aktiviti persampelan dilakukan.

5.2 Pegawai Diberi Kuasa

Pegawai Diberi Kuasa ertinya seorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 21, AMH.

5.2 Makmal yang ditetapkan

Makmal yang ditetapkan ertinya makmal-makmal yang disebut di bawah seksyen 33, AMH iaitu:

i) Makmal Kesihatan Awam Veterinar, Salak Tinggi.
ii) Makmal Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan.
iii) Makmal Seksyen Makanan, Jabatan Kimia Malaysia
iv) Makmal: Centre For Advanced Analytical Toxicology Services, USM
v) Mana-mana makmal yang ditetapkan dari masa ke semasa

5.3 Juruanalisis

Juruanalisis ertinya seseorang yang berkelayakan untuk menjadi juruanalisis yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 34, AMH.

5.4 Pegawai Penyiasat

Pegawai Penyiasat ertinya mana-mana Pegawai Diberi Kuasa yang dilantik oleh Lembaga Makanan Haiwan untuk menyiasat sesuatu kes aduan.

6. KATA SINGKATAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| 6.1 | LMH | : | Lembaga Makanan Haiwan |
| 6.2 | AMH | : | Akta Makanan Haiwan 2009 |
| 6.3 | JPV | : | Jabatan Perkhidmatan Veterinar |
| 6.4 | PA | : | Perakuan Analisis |
| 6.5 | PDK | : | Pegawai Diberi Kuasa |
| 6.6 | PP | : | Pegawai Penyiasat |
| 6.7 | TPSK | : | Tatacara Pengurusan Sampel Makanan Haiwan Atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan Dalam Kes Tindakan Penguatkuasaan |
| 6.8 | Borang 1 | : | Borang penyerahan sampel untuk analisis (BAMH 53(2)(h)01) |
| 6.9 | Borang 2 | : | Borang Penyerahan Sampel Untuk Analisis (Uji Semula) (BAMH 53(2)(h)02) |

7. TATACARA PENGURUSAN SAMPEL MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN DALAM KES TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PEGAWAI PENGUATKUASA YANG DIBERI KUASA

7.1 Pengarah Penguatkuasa/Ketua Penguatkuasa akan menyelaras TPSK di premis makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

7.2 PDK hendaklah merujuk kepada carta aliran kerja seperti di Lampiran 1 semasa menjalankan TPSK.

7.3 PDK hendaklah memperkenalkan diri, menunjukkan kad kuasa serta memaklumkan tujuan kedatangan ke premis kepada suspek (jika ada). Jika suspek tiada di premis, PDK boleh memasuki premis sepertimana yang termaktub di bawah Seksyen 26, AMH.

7.4 PDK hendaklah meminta dan memeriksa kad pengenalan atau dokumen lain suspek (jika ada).

7.5 PDK hendaklah mengenalpasti dan tandakan barang kes (makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan) yang dijumpai di premis.

7.6 PDK hendaklah melakarkan pelan kasar serta mengambil gambar ke atas barang kes yang di sita di premis.

7.7 PDK hendaklah mengambil 3 set sampel bagi setiap makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang di sita di premis. 3 set sampel ini akan diberikan kepada makmal (oleh PP), PP dan suspek atau wakil premis (jika ada) setiap satu.

7.8 PDK hendaklah merujuk carta aliran tatacara persampelan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan berbentuk bijirin, pelet, pulses, serbuk dan meal seperti di Lampiran 2a atau 2b semasa menjalankan TPSK.

7.9 PDK hendaklah merujuk carta aliran tatacara persampelan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan berbentuk foraj seperti di Lampiran 3 semasa menjalankan TPSK.

7.10 PDK hendaklah merujuk carta aliran tatacara persampelan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan berbentuk blok jilatan seperti di Lampiran 4 semasa menjalankan TPSK.

7.11 PDK hendaklah merujuk carta aliran tatacara persampelan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan separa cecair dan cecair seperti di Lampiran 5 semasa menjalankan TPSK.

7.12 PDK hendaklah mengisi borang serahan sampel kepada pemilik (Lampiran 6) dan menyerahkan satu set setiap sampel kes kepada suspek(jika ada). Jika suspek tiada, sampel akan diberikan kepada PP.

7.13 PDK hendaklah menyenaraikan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang di sita kepada suspek dengan menggunakan borang senarai ambilmilik (Lampiran 7).

7.14 PDK/PP perlu mendapatkan pengesahan suspek atau wakil pada borang geledah dan borang sita. Pengesahan seperti nama, nombor kad pengenalan, tandatangan, masa dan saksi. Jika suspek tiada, PDK hendaklah memberi notis penyitaan dan alasan penyitaan secara bertulis kepada tuan punya (suspek) beserta barang ambil milik.

7.15 PDK hendaklah membuat laporan polis mengenai kejadian kes dan penyitaan barang kes (makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan).

7.16 PDK hendaklah menyerahkan barang kes (makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan) yang di sita kepada PP beserta dengan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti:

i) Laporan polis
ii) Gambar dan lakaran kasar barang kes di premis
iii) Borang senarai ambilmilik
iv) Borang serahan sampel kepada pemilik (jika suspek ada)
v) Mana-mana dokumen yang difikirkan perlu

7.17 PDK hendaklah mengisi borang serah kes (Lampiran 8) dan diserahkan kepada PP.

8. TATACARA PENGURUSAN SAMPEL MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN DALAM KES TINDAKAN PENGUATKUASAAN OLEH PEGAWAI PENYIASAT

8.1 PP hendaklah merujuk kepada carta aliran kerja seperti di Lampiran 1 semasa menjalankan TPSK.

8.2 PP hendaklah menyemak sampel dan dokumen lain serta membuat pengesahan penerimaan kes pada borang serah kes (Lampiran 8).

8.3 Sebelum kes diserahkan pada PP perlu disertakan dengan maklumat seperti borang geledah, borang sita, laporan polis, lakaran kasar dan gambar di lokasi serta maklumat mengenai suspek.

8.4 PP hendaklah mengambil gambar terhadap sampel kes yang diserahkan.

8.5 PP hendaklah menyimpan dengan selamat sampel di dalam stor barang kes. Cara penyimpanan mengikut jenis sampel dan cara pengurusan stor barang kes serta rekod keluar masuk dan taging.

8.6 PP hendaklah mengisi 2 salinan borang 1 (Lampiran 9) iaitu borang penyerahan sampel untuk analisis.

8.7 PP hendaklah menghantar sampel ke makmal yang ditetapkan bersama dengan borang 1 dan mengemukakan kepada juruanalisis di makmal yang ditetapkan.

8.8 PP hendaklah memastikan juruanalisis membuat akuan penerimaan pada borang 1.

8.9 Failkan / simpan dengan selamat salinan asal borang 1 dalam Kertas Siasatan.

8.10 Apabila Perakuan Analisis (PA) (Lampiran 10) dan baki sampel diterima daripada juruanalisis selepas ujian makmal selesai, PP hendaklah memastikan menerima 3 salinan PA yang mana salinan asal sahaja dimeterai. Manakala baki setiap sampel juga perlu dipastikan dimeterai selepas selesai analisis makmal.

8.11 PP hendaklah menyimpan dengan selamat baki setiap sampel selepas analisis makmal di dalam stor.

8.12 PP hendaklah failkan/simpan dengan selamat salinan asal PA dan failkan salinan lain dalam Kertas Siasatan.

8.13 PP hendaklah membuat catatan penerimaan PA dan baki sampel selepas analisis makmal di Butir-butir Penyiasatan.

9. UJI SEMULA SAMPEL

9.1 Suspek/wakil pemilik makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan boleh memohon kepada juruanalisis daripada mana-mana makmal yang ditetapkan yang lain untuk uji semula sampel menggunakan Borang 2 (Lampiran 11) dalam tempoh 14 hari daripada tarikh analisa sampel dikeluarkan jika tidak berpuas hati dengan keputusan analisa pertama.

10. KESEDARAN AWAM

10.1 Semua PDK dan PP hendaklah diberi penerangan dan latihan mengenai tatacara pengurusan sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan dalam kes tindakan penguatkuasaan.

10.2 Semua mereka yang terlibat di dalam industri makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan serta pengguna hendaklah diberi penerangan dan seterusnya mereka perlu mematuhi kehendak Akta Makanan Haiwan 2009.

11. REKOD

11.1 Setiap aktiviti TPSK yang dijalankan hendaklah dilaporkan kepada Setiausaha LMH selaku penyelaras TPSK.

11.2 Semua maklumat dan rekod berkaitan program TPSK tidak boleh didedahkan bagi mematuhi kehendak peruntukan seksyen 44 dan 50 di bawah AMH.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi:

Setiausaha Lembaga Makanan Haiwan
Seksyen Pemakanan Haiwan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
Wisma Tani, Blok Podium 1A, Lot 4G1
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya

Tel : 03-8870 2000/2210/2180/2182
Faks : 03-8888 5631
Email : urusetialmh@dvs.gov.my
Laman web : http://www.dvs.gov.my

Lampiran 1

**CARTA ALIRAN**

**TATACARA PENGURUSAN SAMPEL MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN DALAM KES TINDAKAN PENGUATKUASAAN**

**(DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)**

| TANGGUNGJAWAB | AKTIVITI |
|---|---|
| PDK | 1. Terima arahan untuk mengambil sampel dalam kes tindakan penguatkuasaan. |
| PDK | 2. Tunjuk Kad Kuasa (selaku pengadu), memperkenalkan diri dan maklumkan kepada suspek (jika ada). |
| PDK | 3. Minta dan periksa kad pengenalan /dokumen lain suspek (jika ada). |
| PDK | 4. Kenalpasti dan tandakan barang kes (makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan) yang dijumpai di tempat kejadian ( premis ). |
| PDK | 5. Arahkan gambar diambil dan pelan kasar dilukiskan (terhadap barang kes yang di sita di tempat kejadian). |
| PDK | 6. Ambil 3 set sampel bagi setiap makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan –rujuk kepada Lampiran 2a, 2b, 3, 4 atau 5 untuk keterangan lebih lanjut mengenai cara persampelan dijalankan (sampel untuk diberikan kepada makmal, pegawai penyiasat dan suspek). |
| PDK | 7. Serah satu set sampel bersama borang serahan sampel kepada penghuni premis/orang yang mengawal/penjaga pengangkut. (Lampiran 6) dan borang senarai benda disita (Lampiran 7) kepada suspek (pemilik/penghuni/orang yang mengawal/penjaga pengangkut). Jika suspek tiada, notis penyitaan ditampal di tempat selamat dan senang dilihat. |
| PDK | 8. Jika suspek tiada, beri notis penyitaan dan alasan penyitaan kepada wakil atau ditampal di tempat selamat dan senang dilihat. |
| PDK | 9. Buat laporan polis mengenai kejadian kes dan penyitaan barang kes. |

| | |
|---|---|
| PDK | 10. Lapor sekiranya ada kes kepada S/U LMH. |
| PDK | 11. Isi borang serah kes (Lampiran 8) dan serahkan kes kepada PP. |
| PP | 12. Semak sampel berkaitan dan buat pengesahan penerimaan kes pada borang serah kes. |
| PP | 13. Ambil gambar terhadap sampel kes yang diserahkan. |
| PP | 14. Simpan dengan selamat satu set sampel di stor barang kes. |
| PP | 15. Mengisi 2 salinan borang penyerahan sampel menggunakan borang 1 (Lampiran 9). |
| PP | 16. Kemukakan 2 salinan borang 1 yang lengkap diisi bersama sampel-sampel kes kepada juruanalisis di makmal yang ditetapkan oleh Menteri secepat mungkin. |
| PP | 17. Terima Perakuan Analisis (PA) (Lampiran 10) dan baki setiap sampel selepas analisis makmal selesai dijalankan. ( 3 salinan PA yang mana salinan asal sahaja dimeterai dan baki sampel dimeterai selepas analisis makmal). |
| PP | 18. Simpan dengan selamat baki setiap sampel selepas analisis makmal di dalam stor. |
| PP | 19. Failkan/simpan dengan selamat salinan asal PA dan failkan salinan lain dalam Kertas Siasatan. |
| PP | 20. Buat catatan penerimaan PA dan baki setiap sampel selepas analisis makmal di Butir-Butir Penyiasatan. |
| PP | 21. Teruskan tindakan melengkapkan Kertas Siasatan untuk dihantar kepada Pegawai Penyelia bagi mendapatkan arahan selanjutnya dan hantar kepada Pendakwaraya/Penasihat Undang-Undang untuk perintah pendakwaan. |

**Lampiran 2a**

# CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN
# OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)
# (DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)

## MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK BIJIRIN, PELET, *PULSES*, SERBUK DAN *MEAL*

### <u>Persampelan daripada bungkusan</u>



<u>AKTIVITI</u>

1. Tentukan bilangan bungkusan makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang mempunyai bentuk bungkusan dan kandungan yang sama seperti berat, jenama dan tujuan.

2. Pilih dan ambil 5 peratus daripada jumlah bungkusan yang telah ditentukan secara rawak bagi menentukan jumlah *bulk* sampel .

3. Pilih dan ambil secara rawak, tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah *bulk* sampel bagi membentuk *reduced* sampel (minimum 1.5 kg).

4. Buka bungkusan atau ambil sampel menggunakan alat khas.

5. Jika perlu, ambil sampel secara melintang atau menegak . *Reduced* sampel di ambil dari kedalaman keseluruhan atau tiga tahap (atas,tengah dan bawah).

6. Setelah selesai, tutup bungkusan atau lubang bungkusan (jika perlu).

7. Ambil reduced sampel untuk membentuk 3 set sampel makmal dan pastikan beratnya adalah 0.5kg setiap set.

8. Bungkuskan sampel makmal ke dalam bekas 83 plastik khas dan pastikan bungkusan sampel makmal ditutup rapat.

9. Setiap bungkusan sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna.

10. Labelkan setiap bungkusan sampel makmal seperti berikut :

    a) Nombor pengenalan sampel
    b) Tarikh dan masa
    c) Saiz sampel (berat/kuantiti)
    d) Jenis sampel
    e) Nama, tandatangan pegawai

**Lampiran 2b**

**CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN**
**OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)**

**(DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)**
**MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK BIJIRIN, *PULSES*, PELET, SERBUK DAN *MEAL***

**<u>Persampelan dari longgokan dalam jumlah yang besar</u>**

<u>AKTIVITI</u>

1. Tentukan jumlah *increment* mengikut jadual di bawah

| Jumlah m* di dalam satu lot yang sama jenis (matrik tan) | Bilangan Minimum *increment* |
|---|---|
| ≤2.5 | 7 |
| >2.5 | √20m* sehingga maksimum 100 |

m*=berat

2. Pilih tempat di mana sampel ingin diambil secara rawak mengikut bilangan *increment*.

3. Campurkan dan gaul sampel dari setiap *increment* bagi membentuk *bulk* sampel.

4. Timbang *bulk* sampel untuk membentuk 3 set sampel makmal dan pastikan beratnya adalah 0.5kg setiap set.

5. Bungkuskan sampel makmal ke dalam bekas plastik khas dan pastikan bungkusan sampel makmal ditutup rapat.

6. Setiap bungkusan sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna.

7. Labelkan setiap bungkusan sampel makmal seperti berikut :
   a) Nombor pengenalan sampel
   b) Tarikh dan masa
   c) Saiz sampel (berat/kuantiti)
   d) Jenis sampel
   e) Nama, tandatangan pegawai

**Lampiran 3**

## CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN
## OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)
## (DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)

### MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK FORAJ



AKTIVITI

1. Tentukan jumlah kuantiti (bilangan, berat atau keluasan) daripada jenis foraj yang sama.

2. Pilih dan ambil 5 peratus daripada jumlah kuantiti yang telah ditentukan secara rawak bagi menentukan jumlah *bulk* sampel.

3. Pilih dan ambil secara rawak, tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah *bulk* sampel bagi membentuk *reduced* sampel (minimum 3 kg).

4. Ambil *reduced* sampel dengan menggunakan peralatan yang sesuai.

5. Ambil *reduced* sampel untuk membentuk 3 set sampel makmal dan pastikan beratnya adalah 1 kg setiap set.

6. Bungkuskan sampel makmal ke dalam bekas 85plastik khas dan pastikan bungkusan sampel makmal ditutup rapat.

7. Setiap bungkusan sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna

8. Labelkan setiap bungkusan sampel makmal seperti berikut :
   a) Nombor pengenalan sampel
   b) Tarikh dan masa
   c) Saiz sampel (berat/kuantiti)
   d) jenis sampel
   e) Nama, tandatangan pegawai

**Lampiran 4**

**CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN**
**OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)**
**(DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)**

**MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK BLOK JILATAN**



AKTIVITI

1. Tentukan bilangan blok jilatan yang mempunyai jenis yang sama.
2. Pilih dan ambil 5 peratus daripada jumlah blok jilatan yang telah ditentukan secara rawak bagi menentukan jumlah *bulk* sampel.
3. Pilih dan ambil secara rawak, tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah *bulk* sampel bagi menentukan *reduced* sampel (minimum 1.5 kg).
4. Ambil *reduced* sampel dengan menggunakan peralatan dan cara yang sesuai.
5. Timbang *reduced* sampel untuk membentuk 3 set sampel makmal dan pastikan beratnya adalah 0.5 kg setiap set.
6. Bungkuskan sampel makmal ke dalam bekas 86plastik   khas dan pastikan bungkusan sampel makmal ditutup rapat.
7. Setiap bungkusan sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna.
8. Labelkan setiap bungkusan sampel makmal seperti berikut :

   a) Nombor pengenalan sampel
   b) Tarikh dan masa
   c) Saiz sampel (berat/kuantiti)
   d)  Jenis sampel
   e) Nama, tandatangan pegawai

**Lampiran 5**

**CARTA ALIRAN TATACARA PERSAMPELAN**
**OLEH PEGAWAI DIBERI KUASA (PDK)**
**(DI BAWAH AKTA MAKANAN HAIWAN 2009)**

**MAKANAN HAIWAN ATAU BAHAN TAMBAHAN MAKANAN HAIWAN BERBENTUK SEPARA CECAIR DAN CECAIR**



AKTIVITI

1. Tentukan bilangan bekas atau isipadu yang mengandungi separa cecair atau cecair yang mempunyai jenis yang sama. Sebatikan jika perlu.

2. Pilih dan ambil 5 peratus daripada jumlah bekas atau jumlah isipadu yang telah ditentukan secara rawak bagi membentuk *bulk* sampel.

3. Pilih dan ambil secara rawak, tidak melebihi 5 peratus daripada jumlah *bulk* sampel bagi menentukan *reduced* sampel.

4. Ambil *reduced* sampel dengan menggunakan peralatan khas (jika perlu) dan cara yang sesuai untuk membentuk sampel makmal.

5. Sukat *reduced* sampel untuk membentuk 3 set sampel makmal dan pastikan isipadunya adalah 200ml setiap set.

6. Masukkan sampel makmal ke dalam bekas kaca khas dan ditutup rapat.

7. Setiap bekas sampel makmal hendaklah disil atau dilakri dengan sempurna.

8. Labelkan setiap bekas sampel makmal seperti berikut:
   a) Nombor pengenalan sampel
   b) Tarikh dan masa
   c) Saiz sampel (berat/kuantiti/ isipadu)
   d) Jenis sampel
   e) Nama, tandatangan pegawai

Lampiran 6

BORANG SERAHAN SAMPEL KEPADA PENGHUNI PREMIS/ORANG YANG MENGAWAL/MENJAGA PENGANGKUT
Di bawah Akta Makanan Haiwan 2009

Berikut ialah satu set sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang telah diserahkan kepada penghuni premis/orang yang mengawal/penjaga pengangkut pada ............................................jam................... di alamat ........................................................................................................................... .......................................................................................................................................

| Bil | Nombor pengenalan sampel | Tarikh&masa diambil | Jenis sampel | Saiz sampel (berat/ kuantiti): | Bentuk fizikal |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Tandatangan Penerima | : | ____________________ | Tandatangan Penyerah: | ____________________ |
| Nama | : | ____________________ | Nama : | ____________________ |
| No K/P | : | ____________________ | Jawatan: | ____________________ |
| Tarikh | : | ____________________ | Tarikh : | ____________________ |
| Masa | : | ____________________ | Masa: | ____________________ |

Nota:
Disediakan dalam 3 salinan:

a) Salinan asal simpan untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat.
b) Salinan kedua diserahkan kepada penghuni premis/orang yang mengawal/penjaga pengangkut.
c) Salinan ketiga disimpan untuk difailkan.

Lampiran 7

SENARAI BENDA YANG DISITA

Di bawah seksyen 29, Akta Makanan Haiwan 2009

1. (1) Alamat/premis:
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............
(2) Tarikh dan masa pemeriksaan:
..............................................................................................................................
..
(3) Pegawai Diberi Kuasa yang hadir:
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
..............................................................................................................................
...................

2. Butiran benda-benda yang disita.

| Bil | Benda-benda yang disita | Tempat ditemui |
|---|---|---|
| | | |

3. Butir-butir penghuni premis/orang yang mengawal/penjaga pengangkut

| Bil | Nama | Alamat | No kad Pengenalan | Tarikh lahir |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

4. Penerimaan di akui :

Tandatangan : ____________________
Nama : ____________________
No K/P : ____________________
Tarikh : ____________________
Masa : ____________________

5. Pengadu (Pegawai diberi kuasa):

Tandatangan : ____________________
Nama : ____________________
Jawatan : ____________________
Tarikh : ____________________
Masa : ____________________

Arahan LMH:

a) Disediakan dalam 2 salinan.
   i) Salinan asal simpan untuk diserahkan kepada Pegawai Penyiasat.
   ii) Salinan kedua diserahkan kepada penghuni premis/orang yang mengawal/penjaga pengangkut.

b) Jika tiada penghuni premis, salinan kedua hendaklah disahkan oleh pegawai diberi kuasa yang lain dan ditampal di tempat yang selamat dan mudah dilihat di premis itu.
c) Jika penyitaan dibuat bukan didalam premis atau dari mana-mana premis tanpa pemunya notis hendaklah diserahkan kepada pemunya itu sendiri atau dipos ketempat perniagaan atau kediamannya.

Lampiran 8

BORANG PENYERAHAN KES

Di bawah Akta Makanan Haiwan 2009

Berikut ialah perkara-perkara dan barang kes yang telah diserahkan kepada Pegawai Penyiasat pada ................................ jam................................ di pejabat.

1. ................senarai salinan benda yang disita
2. ................keping gambar
3. Satu pelan kasar tempat kejadian
4. Satu salinan laporan polis
   a. Nombor laporan polis...........................................
   b. Tarikh/masa laporan...........................................
   c. Balai polis ..........................................................
5. Satu salinan waran penggeledahan daripada mahkamah (jika ada)
6. Satu salinan Perintah Mahkamah (jika ada)
7. Borang serahan sampel kepada pemilik
8. Barang kes...................................................................
   ...........................................................................
   ...........................................................................
9. Sampel :

| Bil | Nombor pengenalan sampel | Tarikh&masa diambil | Jenis sampel | Saiz sampel (berat/ kuantiti): | Bentuk fizikal |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | |

Tandatangan
Penerima: .......................................
Cop Jawatan
Peg. Penyiasat:

Tandatangan
Penyerah: ................................
Cop Jawatan
Pengadu:

---

Barang-barang kes bilangan ...........................................seperti di atas diterima daripada Pegawai Penyiasat untuk disimpan di dalam setor pada...............................masa........................

Tandatangan: .......................................
Cop Jawatan
Peg. Penyiasat:

Tandatangan: ........................................
Cop Jawatan
Peg. Penyelenggaraan Stor:

Nota:

Disedia dalam 2 salinan:

a) Salinan asal disimpan dalam IP
b) Salinan kedua simpan oleh Peg. Penyelenggara Setor.

BORANG 1

*[perenggan 4(1)(a)]*

BAMH 53(2)(h)01

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

**PENYERAHAN SAMPEL UNTUK ANALISIS**

No. Rujukan: ……………………….

Kepada,

Juruanalisis,

………………………………..............................

**Penyerahan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan untuk Analisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 dan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012**

Butiran berikut bagi sampel dengan ini diserahkan untuk dianalisis –

| Nombor pengenalan sampel | Tarikh&masa diambil | Jenis sampel | Saiz sampel (berat/ kuantiti): | Bentuk fizikal |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

3. Sampel diserahkan untuk tujuan …………………………………………………………
…………………………………………………………………………………………..............
(jenis analisis)

Tarikh: …………………… Tandatangan: ………………………………………………….

Nama Pegawai diberi kuasa : ……………………………..

---

Saya, yang menandatangan di bawah ini telah menerima sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang tersebut di atas untuk dianalisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 atau Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012.

Tarikh dan masa: ……………….. Tandatangan: ……………………………….

Nama Juruanalisis: ……………………………….

Lampiran 10

SAMH 53(2)(h)01

BORANG 3

*[subperaturan 6(1)]*

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN
(KAEDAH MENGANALISIS DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS ) 2012

**PERAKUAN ANALISIS**

No. Rujukan Makmal: ………………………………….
Kepada: …………………………………………………......
……………………………………………………………........
……………………………………………………………........

Saya, yang menandatangan di bawah ini, iaitu juruanalisis yang dilantik di bawah Akta Makanan Haiwan 2009, dengan ini mengesahkan bahawa pada ........ haribulan ................... 20 ........

telah diserahkan kepada saya oleh
………………………………………………………………………………....
Sampel ......................................................... ………………………………………… dengan No. Pengenalan Sampel.............................untuk analisis dalam
......................................................... *dilabel/ditanda
.......................................................................................................................................
.......................................................................................................................................
.......................................................................................................................................
.......................................................................................................................................
.......................................................................................................................................
.............................
dan dilak ........................................................................................... dan bahawa saya telah menganalisis yang sama sebelum apa-apa perubahan berlaku dalam kandungan makanan atau bahan tambahan makanan haiwan tersebut yang akan mengganggu analisis, dan bahawa hasil analisis saya adalah seperti yang berikut:
.......................................................................................................................................
.......................................................................................................................................
.......................................................................................................................................
.......................................................................................................................................
Disaksikan dengan tandatangan saya pada jam ..........., .........haribulan ............ 20……………..

……………………………………..
……………………………………..
……………………………………..
(*Nama dan Jawatan Juruanalisis)*

---

* Potong yang tidak berkenaan

BORANG 2

BAMH 53(2)(h)02

*(peraturan 5)*

AKTA MAKANAN HAIWAN 2009

PERATURAN-PERATURAN MAKANAN HAIWAN (KAEDAH MENGANALISIS MAKANAN HAIWAN DAN BENTUK PERAKUAN ANALISIS) 2012

**PENYERAHAN SAMPEL UNTUK ANALISIS (UJI SEMULA)**

No. Rujukan: ……………………….

Kepada,
Juruanalisis,
……………………………………………………
……………………………………………………
……………………………………………………

**Penyerahan Sampel Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan untuk Analisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 dan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012**

Butiran berikut bagi sampel dengan ini diserahkan untuk dianalisis -

| Nombor pengenalan sampel | Tarikh&masa diambil | Jenis sampel | Saiz sampel (berat/ kuantiti): | Bentuk fizikal |
|---|---|---|---|---|
| | | | | |

2. Sampel diserahkan untuk tujuan ………………………………………………………………………………
……………………………………………………………………………………………………………………
(jenis analisis).

Tarikh: ………………….. Tandatangan: ……………………………………………………..
Pemilik : …………………………….

---

Saya, yang menandatangan di bawah ini telah menerima sampel makanan haiwan atau bahan tambahan makanan haiwan yang tersebut di atas untuk dianalisis di bawah Akta Makanan Haiwan 2009 atau Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Kaedah Menganalisis Makanan Haiwan dan Bentuk Perakuan Analisis) 2012.

Tarikh dan masa: ………………. Tandatangan: ……………………………………..
Nama Juruanalisis: ……………………………….

